



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

1 Dec2021 (Wednesday)

Berita Harian

Selangor batal pajakan tanah Ladang Tennamaram 1

Utusan Malaysia

Merencanakan sosial, ekonomi serantau 2

Pas 'seimbang', gajah pun boleh terbang 3

Harian Metro

Semua aktiviti pendakian di hsk ditutup sementara 4

Tiada masa bermesra 5

Kosmo

RM10 juta basmi kemiskinan di Selangor 6

Dilarang mendaki di hutan Selangor 7

Sinar Harian

Contohi kerajaan selangor 8

1372 permohonan Geran Padanan Digitalisasi PKS diterima 9

Banjir kilat berlaku november lalu 10

Polis siasat 19 kes ah long di Serdang 11

Peneroka lega kerajaan selangor batal pajakan tanah 12

Astro Awani

PKPS Tawar Harga Lebih Rendah 13

Berita RTM

Keganasan Rumah Tangga Hampir 5,000 Kes Di Selangor Sejak 2018 14

Selangor TV

Kajian Sejarah Jeram Masih Diteruskan - EXCO 15

MB : 1,200 Usahawan Sertai SELDEC Setakat Ini 16

PKPS Tawar Harga Murah Gerai Jualan Sayur 17

The Star

6,800 warrants issued for failure to pay assessment 18

Flood mitigation work in Klang to start next year 19

MBPJ to engage with residents on community gardening issues 20

MBSJ to speed up business-related applications 21

Ratepayers frustrated with MPAJ app's glitches 22

Positive nine-month results for MGB 23

The Sun

Selangor land dispute involving estate settlers resolved 24

Traxx FM (90.3)

Agreed Cancel List Of Land In Tg Pasir Ladang 25

China Press

17 IPTAs and IPTS gain Selangor government allocated RM85 thousand 26

MBSJ launch EzyPay MBSJ App, toward cashless service 27



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Selangor MB: The sales amount of SELDEC logistic services can reach RM100 thousand every month	28
Selangor Royal Facebook page post a photo, Selangor Sultan and his wife vaccinated booster shots	29
Sin Chew Daily	
The village heads of 77 Kampung Baru in Selangor expire at the end of the year, the pandemic affected the appointment period and has been extended by six months	30
MB Selangor: Selangor may become one of the ASEAN aviation hubs, creating high-tech jobs	31
Ng Sze Han: Kajang Municipal Council must meet 11 conditions for upgrading, including total annual taxes, etc.	32
Teng Chang Khim: Incentives for SMEs, RM5 million will be issued in full	33
5 companies join SMG project, and help activate the Klang River	34
Izham Hashim: The rice farmer's rotation plan is not supported, as the farmers are not interested	35
Nanyang Siang Pau	
5 companies support participation in the SMG	36
Makkal Osai	
Selangor govt agrees to cancel lease of Tenameram estate land to two companies, says MB	37



KERATAN AKHBAR		
1 December 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Selangor batal pajakan tanah Ladang Tennamaram
Muka Surat	:	24

Selangor batal pajakan tanah Ladang Tennamaram

Shah Alam: Kerajaan Selangor membatalkan pajakan tanah Tanjung Pasir Ladang Tennamaram Bestari Jaya, Kuala Selangor seluas 39 hektar yang diberikan kepada dua syarikat sebelum ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata keputusan itu dibuat selepas hal berkenaan dibawa ke Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) serta dibincangkan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) 17 Novmber lalu.

Katanya, sebelum ini tanah berkenaan dipajakkan kepada Syarikat Baisan Suria Sdn Bhd dan Syarikat Trillion Project Sdn Bhd yang akan diberi gantian pajakan di kawasan lain bagi tujuan pertanian dan penternakan.

"Tanah berkenaan akan dipajakkan kepada pihak Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS) selama 21 tahun dan perbadanan itu perlu membuat pemutihan terhadap hampir 400 peneroka yang memohon.


"Hasil daripada perundingan antara pihak PKPS dan semua kumpulan peneroka yang berminat juga sudah mencapai kata

sepakat dan mereka bersetuju untuk mendaftar sebagai pemajak melalui PKPS," katanya pada sidang media di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini, semalam.

Amirudin berkata, isu berkaitan pertikaian pajakan tanah Tanjung Pasir Ladang Tennamaram dibangkitkan awal April lalu apabila kumpulan peneroka ladang berkenaan meminta campur tangan kerajaan negeri berhubung pertindihan permohonan tanah yang sudah mereka usahakan dengan dua syarikat yang telah diberi pajakan.

Katanya, sebuah jawatankuasa siasatan dalaman yang terdiri daripada lima orang anggota jawatankuasa, termasuk Unit Integriti dan Bahagian Audit Dalaman Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ditubuhkan pada 3 Mei lalu.

"Berdasarkan syor yang dikemukakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri pada 19 Ogos lalu, saya mengarahkan setiausaha politik, Juwairiya Zulkifli untuk mengadakan perbincangan dan perundingan antara pihak sya-



Amirudin (tiga dari kanan) bersama wakil peneroka Ladang Tennamaram selepas sidang Shah Alam, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

rikat, pihak peneroka dengan kehadiran Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor dan PKPS.

"Perkara itu seterusnya dibawa ke MTES dan MMKN sebelum ke-

putusan pembatalan pajakan dibuat. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terbabit dan memberikan kerjasama dalam usaha kita mencari jalan tengah untuk menyelesaikan pertikaian ini," katanya.

Dalam pada itu, wakil peneroka V Jaya Kumar berkata, pihaknya berterima kasih kepada kerajaan negeri serta PKPS yang komited membantu menyelesaikan masalah yang berlarutan sejak sekian lama.



KERATAN AKHBAR		
1 December 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Merencanakan sosial, ekonomi serantau
Muka Surat	:	14

Rencana

NOR NAZIMAH HASHIM



SETELAH melakukan lawatan tiga hari ke Indonesia dari 9 hingga 11 November, komitmen Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk memperkukuhkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala dengan negara-negara jiran ASEAN diteruskan lagi melalui lawatan sehari ke Singapura, 29 November lalu.

Seperti dinyatakan oleh Ismail Sabri dalam sidang akhbar bersama Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong, sebagai jiran terdekat, hubungan erat antara Malaysia dan Singapura amat penting di mana libat urus pelbagai peringkat yang lebih aktif dan kerjasama lebih rapat pastinya adalah jalan ke hadapan untuk kedua-dua buah negara.

Lawatan Ismail Sabri ke Singapura melalui Tambak Johor yang disambut Hsien Loong di Woodlands Checkpoint adalah penting sekali kerana ia merupakan sebahagian daripada pembukaan secara bertahap sempadan kedua-dua negara bagi membolehkan perjalanan antara rakyat masing-masing yang terhenti sekian lama sejak pandemik Covid-19 melanda dunia berlangsung semula.

Seperti di Indonesia, lawatan Ismail Sabri ke Singapura turut diiringi Menteri-Menteri Kabinet iaitu Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong dan Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohammad. Dalam lawatan ini, Ismail Sabri dan Hsien Loong melancarkan Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) darat dan udara yang memberi ruang kepada rakyat di kedua-dua belah tambak yang terpaksa berjauhan dengan keluarga akibat pandemik Covid-19 untuk bersatu semula dengan insan-insan tersayang.

Pada peringkat permulaan, VTL darat hanya dihadkan



ISMAIL Sabri Yaakob (kiri) dan Lee Hsien Loong melancarkan Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) darat dan udara Malaysia-Singapura pada 29 November lalu. - AFP

Merencanakan sosial, ekonomi serantau

kepada 1,500 orang pengembara setiap hari melalui pengangkutan bas terdiri daripada warganegara Malaysia dan Singapura serta penduduk tetap (PR) dan pemegang Pas Jangka Panjang Malaysia dan Singapura.

Lebih penting lagi, pelancaran kedua-dua VTL membolehkan pengaktifan semula aktiviti sosial dan ekonomi rentas sempadan yang pastinya memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua buah negara yang saling bergantung antara satu sama lain di peringkat individu mahupun negara dalam usaha mencapai kemakmuran bersama.

Keputusan membuka secara berperingkat sempadan darat dan udara antara Malaysia dan Singapura ini pastilah positif sekali kerana ia akan merencanakan kembali aktiviti sosial dan ekonomi kedua-dua negara serta menghidupkan semula sektor perhotelan, pelancongan dan restoran bukan sahaja di Johor tetapi juga negeri-negeri lain di Malaysia.



Saya sendiri berasa amat terharu sekali melihat dalam pelbagai media massa ada foto dan laporan esak tangis rakyat Malaysia."

ESAK TANGIS

Sebab itulah kedua-dua Perdana Menteri bersetuju untuk melaksanakan beberapa langkah tambahan membolehkan perjalanan rentas sempadan antara Malaysia dan Singapura, iaitu:

- Memasukkan semua kategori pengembara untuk VTL darat tertakluk kepada keperluan kesihatan yang ditentukan oleh kedua-dua negara.
- Memperluaskan

VTL darat kepada laluan perkhidmatan bas tambahan melalui Link Kedua, kereta api yang dikendalikan oleh Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan kenderaan persendirian seperti motosikal dan kereta (secara berperingkat).

■ Mengarahkan pegawai dari kedua-dua negara merangka langkah-langkah bagi membolehkan perjalanan rentas sempadan melalui udara antara Singapura dan destinasi-destinasi seperti Pulau Pinang, Pulau Langkawi, Kuching dan Kota Kinabalu.

Sesungguhnya pembukaan sempadan antara Malaysia dan Singapura ini merupakan satu mercu tanda besar dalam sejarah pentadbiran Ismail Sabri bermula 20 Ogos lalu. Saya sendiri berasa amat terharu sekali melihat dalam pelbagai media massa ada foto dan laporan esak tangis rakyat Malaysia bila dapat bersua kembali insan-insan tersayang yang telah lama terpisah.

Ia adalah kesinambungan kepada kegemilangan rakyat Malaysia menyambut

pengumuman Ismail Sabri bahawa mereka dibenarkan untuk merentas negeri pada 11 Oktober sebelumnya setelah peratusan rakyat Malaysia dewasa yang lengkap divaksinasi telah mencapai 90 peratus yang membolehkan mereka berjumpa insan-insan tersayang dalam negara.

Dalam konteks negara pula, walaupun kali ini tidak ada memorandum persefahaman yang dimeterai antara kedua-dua pihak, tetapi amat penting sekali kedua-dua Perdana Menteri menyatakan komitmen mereka untuk menyambung kembali secepat mungkin kerja-kerja memabihkan mekanisme dua hala sedia ada di peringkat kementerian dan pegawai bagi memastikan kerjasama pelbagai aspek dan isu-isu belum selesai berada di landasan yang betul.

Salah satu daripada mekanisme ini adalah Pemukiman Tahunan Pemimpin memabihkan kedua-dua Perdana Menteri yang tidak dapat dilaksanakan sejak dua tahun lepas akibat pandemik Covid-19 dan dijangka diadakan di Singapura pada suku pertama tahun depan dengan Ismail Sabri sendiri sudah menyatakan persetujuan untuk mengahdirinya.

Seperti diumumkan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, eksport Malaysia berkembang 25 peratus bagi tempoh Januari hingga Oktober 2021 berbanding tempoh sama tahun ini. Begitu juga import yang mencatatkan pertumbuhan dua angka, 21.8 peratus dengan Singapura menjadi antara negara penyumbang utama kepada peningkatan eksport dan import ini.

Data yang ada, di mana nilai eksport Malaysia ke Singapura bagi tempoh Januari hingga Oktober lalu adalah 14 peratus daripada nilai eksport keseluruhan (RM140,573 juta daripada RM1,003,748 juta) dan nilai import bagi tempoh sama adalah 9.4 peratus daripada nilai import keseluruhan (RM75,530 juta daripada RM801,173 juta) menjelaskan bahawa saling memakmurkan adalah dasar terbaik.

DATUK Nor Nazimah Hashim ialah Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri.



KERATAN AKHBAR		
1 December 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pas 'sembang', gajah pun boleh terbang
Muka Surat	:	16



AHMAD FARIS ABDUL HALIM

ADAKAH dalam politik Malaysia dalam waktu terdekat, perlu difikirkan oleh parti politik tertentu secara drastik sesuatu di luar kotak? Jajaran baharu, misalnya?

Memerhati tindak tanduk politik Pas, saya terpana dengan kata-kata Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Datuk Seri Salahuddin Ayub, "Pas banyak kitab yang mereka boleh ubah pendirian politik mereka." Apakah agaknya nanti kesan dan akibatnya yang hinggap kepada parti-parti yang berkawan atau bersekolong dengan Pas?

Sejarah Pas bila berkawan dengan parti-parti lain ibarat satu perkahwinan. Dia berkahwin dengan Puan A, dia bergaduh, kemudian cerai. Selepas itu, bernikah dengan Puan B, samalah juga, berpisah. Tak serik-serik, kahwin pula dengan Puan C, berantakan rumah tangga, bercerai. Jadi, bila tiada yang kekal dalam berumah tangga itu, siapa yang bermasalah?

Politik Pas dikatakan lebih pragmatik daripada parti-parti politik sekular. Pas memang pecah rekod sebagai parti paling banyak kerjasamanya dengan parti lain, kiranya Pas menjuarai. Dia akan bersandar pada parti yang dapat beri keuntungan dan kemenangan yang cepat.

Kepada parti-parti yang disandarkan harapan oleh Pas itu amat malang sekali. Yang ditumpang Pas, semuanya kecundang. Dia 'berkahwin' dengan PKR dalam empat pilihan raya umum (PRU) 1999, 2004, 2008 dan 2013. Malang sungguh tidak dapat bantu PKR menang. Tapi peliknya tanpa Pas, barulah PKR berjaya mengecap kemenangan pada PRU 9 Mei 2018.

Rakyat barangkali boleh menilai adakah mungkin salah satu sebab UMNO kalah dalam PRU14 apabila ada unsur kerjasama dengan Pas? Biarpun kekalahan UMNO disebabkan pertandingan tiga penjuar, namun bila dicongak-congak, undi diterima calon-calon Pakatan Harapan (PH) waktu itu yang kesemua memakai lambang PKR berkongsi dengan undi penyokong Pas. Sementara sebahagian pengundi Barisan Nasional (BN) pula lari ke Pas. Akhirnya yang solid adalah PH.

Pas 'sembang', gajah pun boleh terbang



BARISAN Nasional (BN) khususnya UMNO seeloknya bergerak ke hadapan tanpa perlu lagi mengharapkan Pas kembali ke Muafakat Nasional. - UTUSAN/AMIR KHALID

BERSEKONGKOL

Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka pada 20 November lalu dijangkakan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) boleh menang 10 kerusi. Malang disebabkan bersekolong dengan Pas menerusi Perikatan Nasional (PN), segalanya tak menjadi. Ramai ahli Bersatu tak senang parti itu berkawan dengan Pas menyebabkan Bersatu hanya boleh menang tipis dua kerusi. Sikap dolak-dalik Pas dalam ijhtihad politik inilah yang berlaku apabila mengetepikan Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon Menteri Besar Selangor pada 2014. Sebaliknya bila tiba di 'selekoh', Pas pilih Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Sejarah pun menunjukkan Pas tunduk mengikut rentak masa dan tempat yang sesuai. Ketika Pas berkira-kira menyertai BN pada 1970-an, Dewan Ulama menentang keras. Namun, pendirian itu kendur setelah Presidennya ketika itu memaklumkan pengagihan anggota Kabinet untuk parti itu, waima harta dan jawatan dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang diperuntukkan. Dan kalau disuluh pun ideologi Pas, kewajipan menubuhkan negara Islam sudah berubah kepada negara kebajikan.



Adakah hal ini juga menyumbang kekalahan PN di Melaka yang ketara sikap flip-flop atau tidak tetap pendirian Pas? Ikut sahaja apa-apa nas dan dalil yang beri keuntungan.

Begitulah juga isu pembayaran royalti petroleum kepada Kelantan hingga menyebabkan Timbalan Menteri Besarnya, Datuk Mohd. Amar Nik Abdullah beberapa hari lepas begitu terkejut dengan kenyataan kerajaan Pusat menolak bayaran royalti tunai.

Kenapa hendak alihkan perhatian rakyat Kelantan dengan nada terkejut itu? Dahulu, bolehlah Pas akur kerana berada di blok pembangkang, tapi sekarang Pas dalam kerajaan apa? Berapa menteri Pas dalam Kabinet sekarang? Tiga. Dan bukannya dua daripadanya dari Kelantan iaitu Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man (Kubang Kerian) dan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan (Kota Bharu)?

DRAMA

Dibimbangi nanti jika Pas asyik berdrama, rakyat makin muak. Sementara tidak dapat dipastikan sama ada Mohd. Amar buat-buat lupa ada orang Pas duduk dalam Kabinet, kenapa pula menteri-menteri Pas sunyi sepi sahaja? Jangan lagi masih mahu hidup seperti pembangkang walaupun sudah di Putrajaya tapi bila balik kawasan, lupa diri kita ini menteri.

Akhirnya, kepada UMNO yang masih mengharapkan ihsan Pas supaya kembali semula ke Muafakat Nasional (MN), eloklah UMNO bergerak ke hadapan. Kata orang putih, *move on*.

Tahniah kepada Presidennya, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang jelas pendirian dan hala tujunnya apabila bercakap isu gunting dalam lipatan dalam temu bual dengan *Mingguan Malaysia*, baru-baru ini.

Dua perenggan pendirian Presiden UMNO itu yang memberi mesej jelas kepada orang UMNO: "Apabila piagam itu ditandatangani, sedaya mungkin kita pertahankan MN. Tetapi, jika ada pihak merasakan mereka hanya akan menunggang kuda-kuda yang menang atau kuda-kuda yang dijangka menang, maka apa yang berlaku adalah pengajaran yang harus kita analisis dan buat penilaian.

"Saya fikir modifikasi harus dilakukan kerana realiti politik dan landskap politik telah berubah. Maka untuk UMNO terus relevan sebagai parti yang diterajui orang Melayu mesti mencari hakikat baharu politik."

Kini terpulung kepada Pas bagaimana untuk terus memainkan lagu politiknya.

Sesungguhnya, orang yang terpedaya dengan kesenangan hidup dunia begitu ramai sekali. Mereka saling membunuh dan memfitnah hanya untuk mendapatkan sedikit kekayaan atau kesenangan daripadanya.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "*Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dimilatkan dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya; kalaupun mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari akhirat).*" (Surah al-Ankabut, ayat 64)

DATUK Dr. Ahmad Faris Abdul Halim ialah penganalisis isu-isu semasa.



KERATAN AKHBAR

1 December 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Semua aktiviti pendakian di hsk ditutup sementara
Muka Surat	:	12



Semua aktiviti pendakian di HSK ditutup sementara

Shah Alam: Semua aktiviti pendakian di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Selangor ditutup sementara bermula hari ini.

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) menerusi notis di Facebook memaklumkan, penutupan itu berkuat kuasa sehingga 31 Januari 2022.

“Individu yang melanggar notis ini akan diambil tindakan mengikut Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

“Sebarang pertanyaan, sila hubungi talian 03-55447000 /

03-55447507 atau e-mel admin_eco_park@forestry.gov.my,” katanya dalam kenyataan itu.

Sebelum ini, media melaporkan Gunung Nuang dekat Hulu Langat yang menjadi tumpuan pendaki ditutup serta-merta.

JPNS dilaporkan berkata, penutupan itu termasuk larangan memasuki dan menjalankan aktiviti pendakian di dalam kawasan gunung terbabit.

Katanya, larangan itu disebabkan tanah runtuh dan musim tengkujuh.



KERATAN AKHBAR
1 December 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Tiada masa bermesra
Muka Surat	:	45

Oleh Syazwan Msar
 mohdsyazwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pengendali Harimau Malaya, Tan Cheng Hoe mengharapkan pemain yang berpangkalan di luar negara dapat melakukan 'kerja rumah' sendiri dalam usaha memastikan prestasi masing-masing berada pada tahap optimum.

Hal ini kerana pemain seperti Luqman Hakim Shamsudin (KV Kortrijk), Dion Cools (Midtjylland FC) Junior Eldstal (Chonburi FC) dan pertahanan Police Tero, Dominic Tan hanya akan bersama pasukan dua hari sebelum sepak mula kejohanan Piala AFF di Singapura, 5 Disember ini.

Cheng Hoe berkata, pemain berkenaan tiada lagi masa untuk 'bermesra' atau mencari keserasian sebaik bersama skuad Harimau Malaya di Singapura berikutan ketika itu barisan kejurulatihan lebih menumpukan kepada perancangan taktikal dalam menghadapi lawan.

Katanya, pemain terbabit sentiasa dipantau oleh barisan kejurulatihan dengan

Tiada masa 'bermesra'

Cheng Hoe mahu pemain berpangkalan di luar negara buat 'kerja rumah' sendiri

memastikan mereka tidak mengalami sebarang kecederaan atau penurunan prestasi.

"Kita mengetahui jadual mereka dan barisan kejurulatihan sentiasa memantau latihan dan perlawanan mereka supaya sentiasa berada tahap terbaik.

"Saya mengharapkan mereka boleh fokus pada pasukan Tan Cheng Hoe

"Setakat ini, kita yakin dengan kemampuan pasukan dan mengharapkan keputusan terbaik dapat dicipta pada kejohanan itu," katanya pada sesi pertama

kem latihan pusat Fasa 2 skuad Harimau Malaya di Kompleks Sukan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di sini, kelmarin.

Seramai 15 daripada 28 pemain disenaraikan sudah melapor diri, namun penyering Petaling Jaya City FC, Darren Lok terpaksa digugurkan daripada skuad ke Singapura susulan kecederaan otot perut yang dialami semasa sesi latihan Fasa 1 bermula Isnin lalu.

Skuad kendalian Cheng Hoe menanti tujuh pemain Johor Darul Ta'zim (JDT) dan dua pemain Kuala Lumpur City FC yang terbabit dengan aksi final

Piala Malaysia, sebelum 24 pemain dipilih membawa cabaran di Singapura.

Kejuaraan Piala AFF 2020 dijadual berlangsung dari 5 Disember hingga 1 Januari depan dengan Malaysia selaku naib juara edisi 2018, diundi dalam Kumpulan B bersama-sama penyandang juara Vietnam, Indonesia, Kemboja dan Laos.

Malaysia yang menyasarkan mara ke pentas final buat kali kedua berturut-turut akan memulakan kempen kejuaraan berdepan Kemboja, diikuti Laos (9 Disember), Vietnam (12 Disember) dan Indonesia pada 19 Disember dalam usaha muncul dua pasukan terbaik untuk layak ke separuh akhir.



SKUAD Harimau Malaya menjalani latihan di Kompleks Sukan PKNS, Kelana Jaya. - Gambar FAM



KERATAN AKHBAR

1 December 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	RM10 juta basmi kemiskinan di Selangor
Muka Surat	:	14

RM10 juta basmi kemiskinan di Selangor



SHAH ALAM – Kerajaan negeri telah membelanjakan sebanyak RM10.013 juta bagi program bantuan pembasmian kemiskinan yang diperkenalkan sejak tahun 2016.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Sosio-Ekonomi, Kebajikan Masyarakat, Pemberdayaan Pekerja, Kerajaan Prihatin Selangor, V. Ganabatirau berkata, peruntukan tersebut diberikan kepada 2,642 orang yang telah memohon untuk bantuan program terbabit.

“Bagi Hulu Hangat sahaja, seramai 212 orang diluluskan permohonan sebanyak RM902,450.

“Bantuan yang diberikan merangkumi pemberian alatan yang diperlukan mereka (bagi meningkatkan pendapatan bulanan),” katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan lisan Zakaria Hanafi (**PN-Semenyih**) berhubung keberkesanan program bantuan pembasmian kemiskinan sepanjang



GANABATIRAU

tahun ini.

Jelas Ganabatirau, individu yang ingin mendapatkan bantuan tersebut perlu memohon daripada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) daerah masing-masing yang telah diberikan peruntukan berkaitan program itu.

“Hasil kajian daripada Institut Darul Ehsan (IDE) pada tahun 2018 berhubung program ini mendapati, 95 peratus daripada penerima memaklumkan bahawa bantuan yang mereka terima dapat meningkatkan pendapatan bulanan mereka.

“Maklum balas penerima adalah sangat baik dan membantu mereka,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
1 December 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Dilarang mendaki di hutan Selangor
Muka Surat	:	17

Gunung Nuang, Bukit Broga antara lokasi tidak dibenarkan masuk selama dua bulan **Dilarang mendaki di hutan Selangor**

Oleh NORHAYATI YAHAYA

SHAH ALAM - 'Kaki hiking' nampaknya terpaksa menghentikan sementara aktiviti mendaki di kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) Selangor apabila semua kegiatan pendakian tidak dibenarkan dalam tempoh dua bulan bermula hari ini.


Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS), Datuk Ahmad Fadzil Abd. Majid berkata, tindakan itu dilakukan memandangkan sepanjang tempoh itu bermula hari ini hingga 31 Januari depan adalah musim tengkujuh.

Menurutnya, langkah tersebut diambil bagi mengelakkan sebarang kejadian atau kemalangan yang tidak diingini berlaku kepada para pendaki.

"JPNS akan menutup sementara semua aktiviti pendakian di kawasan HSK Selangor berkuat kuasa mulai 1 Disember (hari ini) hingga 31 Januari 2022.

"Pelanggaran terhadap notis ini boleh diambil tindakan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985," katanya ketika dihubungi.

Di bawah enakmen itu, jika sabit kesalahan boleh didenda



BUKIT Broga setinggi 400 meter dari aras laut antara lokasi popular dalam kalangan pendaki termasuk mereka yang baru mencuba aktiviti riadah itu. - GAMBAR HIASAN

tidak melebihi RM10,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya.

Sebarang pertanyaan mengenai penutupan sementara

HSK Selangor itu boleh menghubungi talian **03-5544 7000/03-5544 7507** atau e-mel ke admin_eco_park@forestry.gov.my.

Sebelum ini, Kosmo! melaporkan

kan pembukaan semula aktiviti pendakian di kawasan HSK bermula 9 Oktober lalu telah menarik ramai 'kaki hiking' selepas ditutup selama beberapa bulan.

akibat penularan Covid-19.

Antara kawasan tumpuan pendakian di Selangor tengah ialah Gunung Nuang, Gunung Hitam, Bukit Cenuang, Air Terjun Sungai Lepoh, Bukit Saga, Bukit Apek, Bukit Broga, Air Terjun Sofea Jane dan Bukit Kembara.

Bagi daerah Hulu Selangor pula ialah Gunung Ulu Semangko, Bukit Choroko, Bukit Kutu, Air Terjun Lata Medang, Air Terjun Lata Macau, Air Terjun Setinggi dan Air Terjun Lubuk Kawah.

Sejak kebelakangan ini, terdapat tragedi yang berlaku melibatkan pendaki apabila mereka mengalami kecederaan ketika pendakian.

Pada 5 November lalu, bomba menyelamatkan seorang wanita yang mengalami kekejangan otot kaki sewaktu melakukan aktiviti mendaki di Gunung Nuang, Hulu Langat.

Selain itu, pada 6 November lalu, empat lelaki yang melakukan aktiviti mendaki Bukit Broga di Semenyih berdepan detik cemas apabila seorang daripadanya mengalami kekejangan, manakala seorang lagi kepenatan selepas tersasar dari laluan ketika menuruni bukit.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 1 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Contohi kerajaan selangor
Muka Surat	:	11



'Contohi Selangor kawal harga barang'

KETUA Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyeru kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri lain supaya mencontohi Selangor dalam melaksanakan langkah awal mengawal harga barang makanan. Sebagai contoh, kata beliau, kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) berjaya mengawal harga sayur-sayuran kerana PKPS mempunyai ladang sendiri sekali gus mampu mengawal kos dan menurunkan harga.

11

'Contohi kerajaan Selangor'

Ketua Pembangkang itu persoalan tindakan agensi kerajaan susulan kenaikan mendadak harga barang

Oleh HIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempersoalkan tindakan kerajaan yang dilihat masih gagal menyelesaikan krisis kenaikan harga barang dengan sebarang langkah drastik.

Menurutnya, agensi-agensi kerajaan yang berkaitan sepatutnya boleh memainkan peranan penting ketika ini, namun masih tidak nampak 'bayang'.

"Saya nak tanya, mana perginya agensi kerajaan Persekutuan yang sepatutnya melibatkan FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan), MARDI (Institut Penyelidikan dan



Anwar (kanan) bersama Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari (dua dari kiri) ketika meninjau Gerai Jualan Sayur Mega Anjuran PKPS Selangor di Wisma PKPS Seksyen 14, Shah Alam pada Selasa.

Kemajuan Pertanian Malaysia) dan sebagainya untuk turun ke bawah kurangkan beban, bawa produk dari ladang supaya petani dapat harga lebih baik dan dapat kurangkan harga barang kepada pengguna.

"Kerajaan perlu ambil tindakan segera kerana harga sayur, ikan, ayam, semuanya naik menggila ketika ini.

"Saya bangkitkan perkara ini di Parlimen sebagai krisis nasional yang membebankan rakyat," katanya ketika melakukan tinjauan di gerai jualan sayur

anjuran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) pada Selasa.

Anwar yang juga Ahli Parlimen Port Dickson berkata, inisiatif kerajaan Selangor menerusi PKPS yang menawarkan harga barangan lebih murah wajar dicontohi.

"Saya harap kerajaan negeri lain dan kerajaan Persekutuan ambil tindakan segera," katanya.

LAGI BERITA DI MUKA 25



KERATAN AKHBAR		
1 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	1372 permohonan Geran Padanan Digitalisasi PKS diterima
Muka Surat	:	22

1,372 permohonan Geran Padanan Digitalisasi PKS diterima

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menerima sejumlah 1,372 permohonan Geran Padanan Digitalisasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Selangor bagi tempoh sehingga 30 Oktober lalu dalam membantu mendigitalisasikan perniagaan usahawan terlibat.

Exco Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Selangor, Datuk Teng Chang Khim berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 793 permohonan dengan jumlah peruntukan RM3.8 juta diluluskan bagi bantuan itu.

Beliau berkata, jumlah keseluruhan peruntukan yang disediakan bagi geran padanan berkenaan ialah RM5 juta.

"Kelulusan Geran Padanan Digitalisasi PKS Selangor yang dilancarkan pada April 2021 dijalankan oleh jawatankuasa khas yang diketuai oleh bekas Ketua Pegawai Operasi Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Datuk Ng Wan Peng dan Pengarah

**SIDANG DUN
 SELANGOR**

Urusan The Hive Southeast Asia Datuk Syed Haizam Jamalullail, yang merupakan salah satu daripada lapan pemodal teroka pilihan," katanya ketika menjawab soalan Muhammad Hilman Idham (**Bersatu-Gombak Setia**) dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor yang berlangsung pada Selasa.

Dalam pada itu, Chang Khim berkata, permohonan paling banyak diterima adalah membabitkan pemasaran digital (40.7 peratus), diikuti oleh sistem perakaunan (20.9 peratus), sumber manusia dan sistem payroll (16.6 peratus), e-Dagang (10.7 peratus) dan *E-PoS System* (11.2 peratus).

"Selangor International Business Summit (SIBS) yang dianjurkan adalah platform perkongsian maklumat usahawan IKS agar dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

Tambah beliau, SIBS 2021 juga akan diteruskan di portal perdagangan rasmi Selangor iaitu www.selangorbusinesshub.my selama setahun.



Sidang DUN Selangor yang berlangsung pada Selasa.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

1 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Banjir kilat berlaku november lalu
Muka Surat	:	22



Tangkap layar video tular memaparkan kejadian banjir kilat di kawasan parkir pusat komersial di Bandar Puchong Jaya hingga mengakibatkan beberapa kenderaan tenggelam.

‘Banjir kilat berlaku 1 November lalu’

PUCHONG - Video tular memaparkan kejadian banjir kilat di kawasan parkir pusat komersial di Bandar Puchong Jaya hingga mengakibatkan beberapa kenderaan tenggelam yang tersebar di media sosial disahkan berlaku pada 1 November lalu.

Dalam rakaman beberapa video yang tersebar itu, kenderaan yang diletakkan di sekitar Jalan Kenari, Bandar Puchong Jaya dirakam ditenggelami air selain limpahan air deras di kawasan perparitan berdekatan.

Jurucakap Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd (Litrak) ketika dihubungi memaklumkan, kejadian berlaku kira-kira jam 5.30 petang.

“Video yang tular menunjukkan pemandu mengharungi arus air yang bertakung bermula dari laluan susur masuk dari LDP ke Persiaran Puchong Selatan.

“Banjir kilat tersebut mengakibatkan limpahan air masuk ke dalam lot-lot kedai di kawasan berkenaan serta beberapa kereta turut ditenggelami air,” katanya.

Menurutnya, kejadian berlaku disebabkan parit monsun jenis sistem saliran tiga kekotak di lokasi berkenaan yang berkapasiti rendah tidak dapat menyalurkan air keluar dari kawasan berkenaan.

Tambahnya, penyelesaian jangka

panjang bagi mengatasi banjir kilat di kawasan itu adalah dengan pelaksanaan projek kerja-kerja naik taraf sistem saliran yang kini dilaksanakan oleh pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

“Kerja naik taraf itu melibatkan penambahan tiga kekotak baru untuk menyalurkan air dengan lebih efisien.

“Projek kerja-kerja naik taraf tersebut telah dimulakan pada 25 November 2019,” katanya.

Dalam pada itu, *Sinar Harian* sedang dalam usaha menghubungi MBSJ bagi mendapatkan maklum balas berhubung perkara tersebut.



KERATAN AKHBAR

1 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Polis siasat 19 kes ah long di Serdang
Muka Surat	:	23

Polis siasat 19 kes ah long di Serdang

SERDANG - Polis menyiasat 19 kes sindiket pemberi pinjaman wang tidak berlesen di Serdang pada tahun ini yang membawa kepada tindakan pendakwaan terhadap dua individu mengikut Akta Pemberi Pinjaman Wang 1951.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner A A Anbalagan berkata, sebanyak 18 kes disiasat pada tahun lalu dan enam individu didakwa termasuk dua diambil tindakan mengikut Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Menurutnya, jumlah kerugian melibatkan kes pemberi pinjaman wang tanpa lesen sejak tahun lalu adalah sebanyak RM114,750.

“Modus operandi sindiket itu adalah menggantung poster di beberapa lokasi tertentu.

“Sindiket pemberi pinjaman wang tanpa lesen juga mempamerkan nombor di media sosial untuk dihubungi mangsa,” katanya ketika sidang akhbar di Pusat Bandar Puchong, di sini pada Selasa.

Beliau berkata, mangsa yang tertarik dengan iklan berkenaan akan menyerahkan dokumen peribadi melalui WhatsApp tanpa bersemuka dan tidak menandatangani dokumen perjanjian.

“Sindiket akan mengenakan kadar faedah tinggi dan kegagalan peminjam untuk membayar balik wang akan menyebabkan berlaku jenayah kekerasan terhadap mangsa dengan melakukan ugutan.

“Sindiket itu turut merosakkan harta benda, menyimbah cat, membakar premis atau kenderaan milik mangsa,” katanya.



Polis bersama penguat kuasa Majlis Bandaraya Subang Jaya melaksanakan Ops Turun Poster melibatkan pemberi pinjaman wang tanpa lesen di Pusat Bandar Puchong, pada Selasa.

Dalam pada itu, Anbalagan turut menasihatkan orang ramai supaya berwaspada dengan khidmat pinjaman wang ditawarkan menerusi media sosial dan poster diiklankan.

“Orang ramai boleh membuat pengesahan di laman di ccid.rmp.gov.my/se-makmule.

“Selain itu, individu yang mempunyai masalah boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK),” katanya.



KERATAN AKHBAR
1 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Peneroka lega kerajaan selangor batal pajakan tanah
Muka Surat	:	24

Isu tersebut diselesaikan melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor bersetuju membatalkan pajakan tanah seluas lebih 38 hektar (96.4 ekar) yang diwartakan kepada dua buah syarikat di Tanjung Pasir Ladang Tennamaram Bestari Jaya, Kuala Selangor.

Dua buah syarikat terbabit, Syarikat Baisan Suria Sdn Bhd dan Syarikat Trilion Project Sdn Bhd bagaimanapun diberikan gantian pajakan tanah di kawasan lain bagi tujuan pertanian dan penternakan.

Perkembangan itu memberi kelegaan kepada lebih 400 peneroka Ladang Tennamaram susulan isu pajakan tanah tersebut diselesaikan melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

Peneroka lega kerajaan Selangor batal pajakan tanah

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID



Wakil peneroka membawa kain rentang ucapan terima kasih kepada Amirudin (kiri) dan pihak PKPS.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, tanah tersebut akan dipajakkan kepada PKPS selama 21 tahun dan PKPS perlu membuat pemutihan terhadap hampir 400 orang peneroka yang memohon.

“Hasil rundingan antara PKPS dan kesemua kumpulan peneroka berminat, mencapai kata sepakat bahawa mereka bersetuju untuk mendaftar sebagai pemajak melalui PKPS. “Untuk makluman, isu membabitkan 96.4 ekar ini pada

masa sama dapat menyelesaikan isu penerokaan haram berlaku di kawasan PKPS seluas 795.76 ekar iaitu di kawasan sama.

“Justeru, jumlah keseluruhan pertikaian tanah antara peneroka yang berjaya diselesaikan di Ladang Tennamaram

berjumlah 892.16 ekar,” katanya ketika ditemui di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, pada Selasa.

Pada April lalu, isu pertikaian pajakan tanah Tanjung Pasir Ladang Tennamaram Bestari Jaya, Kuala Selangor telah dibangkitkan oleh peneroka Ladang Tennamaram.

Kumpulan peneroka terbabit meminta campur tangan kerajaan negeri berhubung pertindihan permohonan tanah diusahakan mereka dengan dua buah syarikat diberikan pajakan.

Susulan itu, Jawatankuasa Siasatan Dalamam ditubuhkan pada 3 Mei bagi menjalankan siasatan lanjut yang terdiri daripada lima anggota jawatankuasa termasuk Unit Integriti dan Bahagian Audit Dalamam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
30 November 2021

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	PKPS Tawar Harga Lebih Rendah
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
30 November 2021

Akhbar	:	Berita RTM
Tajuk Berita	:	Keganasan Rumah Tangga Hampir 5,000 Kes Di Selangor Sejak 2018
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
30 November 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Kajian Sejarah Jeram Masih Diteruskan - EXCO
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
30 November 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	MB : 1,200 Usahawan Sertai SELDEC Setakat Ini
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
30 November 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	PKPS Tawar Harga Murah Gerai Jualan Sayur
Muka Surat	:	-



KERATAN AKHBAR

1 December 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	6,800 warrants issued for failure to pay assessment
Muka Surat	:	2

6,800 warrants issued for failure to pay assessment

SELAYANG Municipal Council (MPS) issued 6,800 warrants to owners of commercial and industrial premises for failing to settle their assessment.

Council president Mohd Yazid Sadiri said the warrants with a RM100 attachment charge were for owners with over RM200 in accumulated arrears from Oct 21 this year.

